
DATE: 22 Disember 2021

PUBLICATION: Bernama (BM)

WEBSITE: https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2036396







BERITA COVID-19 gapura tangguh sementara mulai esok - Khairy | 20 pengajar, pelajar IPS di Jempol disahkan positif COVID-19





Carian Q Sarawak Tok

COVID-19 & Vaksinasi

Jenavah & Mahkamah

Ekonomi Sukan Politik





Yayasan TRC santuni petugas barisan hadapan sumbang pek makanan





22/12/2021 12:04 PM

KUALA LUMPUR, 22 Dis -- Petugas barisan hadapan terutamanya anggota kesihatan dan penguat kuasa undang-undang disantuni dengan perkongsian pek makanan baru-baru ini yang disumbangkan Yayasan TRC (YTRC), sebuah cabang organisasi amal syarikat TRC Synergy Bhd (TRCS).

YTRC dalam kenyataan baru-baru ini memaklumkan inisiatif itu adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu bagi menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan, yang kekal berdedikasi dalam mempertahankan kesihatan dan kesejahteraan rakyat sewaktu pandemik COVID-19.

"Petugas kesihatan dan penguat kuasa undang-undang adalah merupakan petugas barisan hadapan yang masih kekal menggalas tugas dan tanggungjawab untuk mempertahankan dan memerangi wabak COVID-19 sehingga ke hari ini, demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

"... sebilangan besar daripada mereka juga turut mengalami gejala tekanan melampau disebabkan keletihan mental dan fizikal berikutan bebanan kerja berlebihan untuk satu tempoh yang lama. Oleh itu, wajar untuk kita menghargai setiap pengorbanan dan ketabahan mereka," menurut kenyataan itu.

Menerusi program itu, sejumlah kuantiti pek makanan telah diserahkan kepada pihak pengurusan di beberapa buah hospital terpilih seperti Hospital Putrajaya, Hospital Serdang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, serta Balai Polis Hulu Kelang dan Balai Polis Taman Melawati.

Pemilihan lokasi itu berikutan terletak berhampiran Ibu Pejabat dan tapak projek Trans Resources Corporation Sdn Bhd (TRC), iaitu Projek MRT2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Pakej DPT201, S208 & V205), serta Projek Pembangunan Bercampur di Plot Presint 8 Putrajaya (8MD3).

Sumbangan itu telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif TRC merangkap Timbalan Ketua Ahli Jawatankuasa Kerja YTRC Siti Sarlina Abdul Rahman. Turut mengiringi adalah wakil pengurusan tertinggi bagi setiap projek, serta tenaga sukarelawan YTRC.

Selain itu, program itu juga merupakan satu daripada siri Bantuan Khas COVID-19 yang telah diusulkan oleh YTRC sebagai tanda solidariti terhadap golongan yang terkesan sejak negara mula dilanda wabak itu.

"YTRC berharap agar usaha murni ini dapat memberikan keceriaan dan menyuntik semangat untuk terus kekal komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik buat seluruh rakyat Malaysia," menurut kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA